

BANTUAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

OBJEKTIF

Bantuan berbentuk geran tahunan atau bantuan one-off kepada Sekolah Agama Islam, Madrasah atau pusat pengajian yang diperakui dan diiktiraf di dalam Sarawak untuk membiayai gaji guru, operasi pentadbiran sekolah dan yang berkaitan.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pusat Pengajian yang berdaftar oleh pihak Kerajaan atau Majlis Islam Sarawak.
2. Bagi Pusat Pengajian yang belum berdaftar perlu mendapat surat sokongan daripada Majlis Islam Sarawak.
3. Mempunyai sistem pendidikan yang sistematik dan hala tuju yang jelas.
4. Keutamaan adalah kepada Pusat Pengajian yang tidak mempunyai peruntukan daripada Kerajaan atau peruntukan yang tidak mencukupi.
5. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
6. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat permohonan.
2. Kertas kerja.
3. Laporan program dan aktiviti tahunan.
4. Salinan dokumen bil utiliti.
5. Salinan perjanjian sewa beli premis.
6. Laporan siasatan ke atas Sekolah Agama Islam, Madrasah atau pusat pengajian dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
7. Senarai nama pelajar pusat pengajian.
8. Salinan buku akaun (Sekolah Agama Islam/Madrasah/pusat pengajian/persatuan dan yang berkaitan).
9. Salinan sijil atau surat pendaftaran.
10. Borang Pengesahan Bantuan Sekolah Agama Islam.